

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran tender terbuka adalah dipelawa kepada **kontraktor-kontraktor (*T1) bertaraf Bumiputera** yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan memegang **Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate) - Berstatus : PATUH** serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk tender berikut:-

T3/25/BM/JPPF/91/KCK-Z1 : Perkhidmatan Pemeriksaan, Pengujian Dan Penyelenggaraan Sistem Pencegah Kebakaran Di Zon 1 (Kampus), Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan Bagi Tempoh 3 Tahun.

Kelayakan Gred CIDB – G3

T3/25/BM/JPPF/91/KCK-Z2 : Perkhidmatan Pemeriksaan, Pengujian Dan Penyelenggaraan Sistem Pencegah Kebakaran Di Zon 2 (HPUSM), Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan Bagi Tempoh 3 Tahun.

Kelayakan Gred CIDB – G3

Kelayakan : **Kategori** - **ME** (Mekanikal)
Pengkhususan - **M02** (Sistem Pencegahan & Perlindungan Kebakaran).

Tarikh & Tempat Taklimat / Lawatan Tapak : **24 November 2025 (Isnin), Jam 10.00 Pagi**
Bilik Mesyuarat Jabatan Pembangunan & Pengurusan Fasilitas, Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan.

Syarat Taklimat & Lawatan Tapak : i) Petender **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat / lawatan tapak bersama dokumen berkaitan, menurunkan cap syarikat dan menandatangani borang kehadiran taklimat. Dokumen hanya dijual kepada petender yang telah memenuhi syarat taklimat/lawatan tapak sahaja.
ii) Hanya **penama dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** sahaja yang boleh menghadiri sesi taklimat / lawatan tapak.
iii) Syarikat **tidak boleh mewakilkan pegawai lain** selain daripada penama dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan.

Tarikh Tutup Tender : **15 Disember 2025 (Isnin), Jam 12.00 Tengah Hari.**

Tarikh Dokumen Dijual : **24 November 2025 hingga 8 Disember 2025.**

Harga Dokumen : **RM100.00 (Senaskah)** dalam bentuk *softcopy* mengikut zon boleh dibayar melalui akses kepada laman web e-payment (<https://epayment.usm.my/>) dengan klik kepada **perkhidmatan jualan borang tender.**

Syarat Permohonan Dokumen *Softcopy*

- : Petender wajib melengkapkan maklumat permohonan dan memastikan alamat emel syarikat yang didaftarkan masih aktif serta mengemukakan secara atas talian dokumen seperti berikut:
- i) Resit / Bukti Pembayaran melalui sistem e-payment yang telah dibuat. **(Sebarang tuntutan semula bagi pembelian dokumen tidak akan dikembalikan).**
 - ii) Salinan **Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB).**
 - iii) Salinan **Sijil Pematuhan Cukai (*Tax Compliance Certificate*).**

Pautan Permohonan Dokumen *Softcopy*

- : **T3/25/BM/JPPF/91/KCK-Z1**
<https://usmprism.usm.my/sedt/?td=T3/25/BM/JPPF/91/KCK-Z1>
- T3/25/BM/JPPF/91/KCK-Z2**
<https://usmprism.usm.my/sedt/?td=T3/25/BM/JPPF/91/KCK-Z2>

Syarat Penghantaran Dokumen

- : i) Penghantaran Dokumen Tawaran Tender dalam bentuk ***hardcopy & softcopy (pendrive)*** yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor, Nama Tender dan dimasukkan sendiri ke dalam peti tawaran di **Seksyen Perolehan & Pengurusan Kontrak, Jabatan Bendahari, Kompleks Pentadbiran Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia, 16150 Kubang Kerian, Kelantan.**
- ii) Penghantaran melalui perkhidmatan Pos adalah tidak digalakkan. Sekiranya petender memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba dan dimasukkan ke dalam peti tender pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup tender selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Petender yang tidak mendapat sebarang maklum balas atau jawapan selepas empat (4) bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.

*** Pihak Universiti berhak mengadakan rundingan dengan kesemua atau mana-mana petender yang dipilih dan berhak menerima kesemua atau sebahagian dari tawaran tender tersebut dan tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau mana-mana tender.**